

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN NO. 321**

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama hub halal global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah kerangka merekayasa pertumbuhan ekonomi negara, industri halal merupakan antara subsektor perkhidmatan moden yang berpotensi tinggi akan keberhasilannya di masa akan datang. Hal ini adalah berdasarkan kecenderungan yang positif di peringkat antarabangsa terhadap penggunaan barang dan perkhidmatan halal serta peningkatan saiz pasaran industri halal global yang kini diunjurkan bernilai RM3 trilion.
2. Dalam usaha memperkasakan industri halal di negara ini, ia dilihat bukan sahaja tertumpu kepada penguatkuasaan dan tadbir urus pensijilan halal, malahan ia juga memberi penekanan terhadap keperluan bagi keseluruhan rantai ekosistem perindustrian. Antara komponen rantai tersebut adalah termasuk program pendidikan dan penyelidikan; sumber tenaga professional; daya saing produk halal; serta penyediaan infrastruktur yang berkenaan.
3. Oleh yang demikian, satu pelan tindakan yang inklusif, merentasi semua peringkat pelaksanaan dan bidang kuasanya, kini sedang giat dibangunkan oleh pihak Kerajaan bersama agensi-agensi yang berkaitan industri halal. Ia bertujuan untuk mewujudkan sinergi yang berkesan di

## **SOALAN: 336**

kalangan badan dan agensi pelaksana di samping mengenal pasti strategi-strategi bersesuaian dalam mengekalkan imej Malaysia sebagai model negara Islam di peringkat antarabangsa.

4. Di samping itu juga, Halal Industry Development Corporation yang merupakan agensi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah mengadakan sebuah persidangan antarabangsa iaitu *World Halal Conference 2019 (WHC)* pada 3 & 4 April yang lalu serta berberapa kerjasama antarabangsa bagi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berhubung kerjasama dalam bidang halal di antara Kerajaan Jepun dan Republik Korea bagi merancakkan lagi usaha ke arah negara peneraju industri halal global.
5. Secara ringkasnya, pihak Kerajaan masih lagi di peringkat mempertimbangkan dan memperhalusi ke semua cadangan-cadangan yang berkaitan dalam memperkasakan industri halal negara.

Sekian, terima kasih.